

## **Dakwaan unsur Misogoni dalam Hadith oleh Fatima Mernissi: Analisis berdasarkan buku ‘The Veil and The Male Elite’**

*An Indictment of the Elements of Misogyny in The Hadith of the Prophet by Fatima Mernissi:  
An Analysis Based on the Book 'The Veil and The Male Elite'*

**Rusni Mohamad\***

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: rusni@fsk.upsi.edu.my

**Published:** 22 June 2024

**To cite this article (APA):** Mohamad, R. (2024). Dakwaan unsur Misogoni dalam Hadith oleh Fatima Mernissi: Analisis berdasarkan buku ‘The Veil and The Male Elite’. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 91–108. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.8.2024>

### **Abstrak**

Pengutusan Nabi SAW antaranya bertujuan untuk menghapuskan budaya mendiskriminasikan golongan wanita dalam masyarakat Arab jahiliah seterusnya mengangkat kedudukan mereka. Namun menurut Fatima Mernissi, hadith-hadith Nabi SAW merendahkan kedudukan wanita kerana mendakwa terdapat unsur misogoni dalam banyak riwayat hadith khususnya berkenaan penyebutan hadith tentang wanita, keldai dan anjing seterusnya menolak hadith tersebut kerana telah dimanipulasikan oleh perawi-perawi di peringkat sahabat. Dakwaan ini secara tidak langsung menuduh Nabi SAW merendahkan golongan wanita dan menolak konsep ‘*adalah* sahabat Nabi SAW’. Oleh itu, kajian ini akan merungkaikan dakwaan tersebut berdasarkan riwayat dalam *Sahih al-Bukhari* khusus berkaitan penyebutan wanita, keldai dan anjing dan menjelaskan *fiqh al-hadith* keseluruhannya menurut *muhaddithīn* serta menghuraikan konsep ‘*adalah* sahabat menurut Ahli Sunnah wal Jamaah dan kedudukannya di sisi Islam. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data berdasarkan kaedah dokumentasi iaitu menggunakan kaedah perpustakaan dan mengaplikasikan metode analisis kandungan untuk menganalisis data yang telah dikumpulkan. Hasil analisis menunjukkan, terdapat lima riwayat yang mana satu daripadanya adalah riwayat Abu Juhayfah R. A dan empat riwayat Aishah R.HA. Penyebutan wanita, anjing dan keldai dalam riwayat berkaitan bukan merujuk kepada perkara yang membatalkan solat namun perkara-perkara yang mengurangkan konsentrasi solat. Penyebutan wanita merujuk kepada wanita ajnabi dan pengecualian bagi isteri tidak membatalkan solat si suami adupun anjing merujuk kepada syaitan. Nabi SAW tidak sesekali menyamakan wanita dengan binatang sebagaimana dakwaan Fatima Mernissi namun kerana tafsiran literal menyebabkan tafsiran tersesat. Saranan kajian ini agar hadith-hadith Nabi SAW ditafsirkan secara kontekstual dan tidak difahami secara literal manakala buku-buku tulisan tokoh feminism perlu diteliti dengan cermat khusus melibatkan dakwaan terhadap riwayat-riwayat hadith berkaitan wanita.

**Kata Kunci:** Misogoni, Fatima Mernissi, *Sahih al-Bukhari* Fiqh al-Hadith, ‘*Adalah* sahabat

## **Abstract**

The sending of the Prophet SAW, among others, aims to eliminate the culture of discriminating against women in the ignorant Arab society and then elevate their position. However, according to Fatima Mernissi, the Prophet's hadiths degrade the position of women because they claim that there are elements of misogyny in many hadith narrations, especially regarding the mention of hadiths about women, donkeys and dogs, and then reject these hadiths because narrators have manipulated them at the level of companions. This charge indirectly accuses the Prophet SAW of degrading women and rejects the concept of 'is companions of the Prophet SAW'. Therefore, this study will break down these charges based on the narrations in Sahih al-Bukhari related explicitly to the mention of women, donkeys and dogs and explain the overall fiqh al-hadith according to the muhaddithīn and describe the concept of 'are companions according to Ahli Sunnah wal Jamaah and their position in Islam. This study uses data collection methods based on documentation methods, namely library methods and content analysis methods, to analyze the data that has been collected. The results of the analysis show five narrations, one of which is the narration of Abu Juhayfah R.A and four of Aishah R.HA. The mention of women, dogs and donkeys in the narrations does not refer to things that invalidate the prayer but to things that reduce the concentration of the prayer. The mention of women relates to *ajnabi* women, and excluding wives does not invalidate the husband's prayer, while dogs refer to shaitans. The Prophet (SAW) did not occasionally equate women with animals as Fatima Mernissi claims, but due to literal interpretations causing interpretations to go astray. Ahli Sunnah wal Jamaah agreed to accept the narration of the companions without hesitation, and rejection of their narration is *kufir*. This study suggests that the hadiths of the Prophet SAW be interpreted contextually and not understood literally. At the same time, books written by feminist figures need to be carefully and explicitly scrutinised involving charges against hadith narrations related to women.

**Keywords:** Misogoni, Fatima Mernissi, *Sahih al-Bukhari* Fiqh al-Hadith, 'Adalah sahabat

## **Pendahuluan**

Perbahasan tentang isu wanita sering menjadi topik perbahasan di peringkat tempatan dan global. Pelbagai isu berkaitan antaranya tentang penyebutan wanita dalam hadith yang dikaitkan dengan konteks yang pada zahirnya merendahkan golongan wanita. Perkara ini dimanupulasikan oleh golongan ekstrem dalam kalangan masyarakat Islam seperti golongan anti-hadith, orientalis dan juga feminis yang meragui status dan kedudukan hadith sebagai rujukan utama Islam dengan tujuan untuk membuktikan hadith Nabi SAW sebagai bias, mendiskriminasikan, golongan wanita terpencil, dieksplorasi dan dianaya, secara serentak mempromosikan sifat patriarki masyarakat Islam yang membawa kepada diskriminasi terhadap wanita berdasarkan hadith-hadith yang sahih (Norhasnira et al., 2018).

Kumpulan feminism telah mengambil pendekatan untuk mengkritik hadith-hadith yang pada zahirnya menunjukkan ketidakadilan terhadap golongan wanita yang mana mereka cuba untuk menilai hadith-hadith sedemikian dengan cara yang berbeza sehingga melabelkan hadith-hadith berkenaan sebagai misogoni atau antiwanita. Bahkan mereka mempertikaikan apakah hadith-hadith tersebut benar-benar dariapda Nabi SAW atau telah dimanupulasikan oleh perawi-perawi di peringkat sahabat (Mernissi, 1991). Antara kenyataan beliau adalah:

*The Prophet said that the dog, the ass, and the woman interrupt prayer if they pass in front of the believer, interposing themselves between him and the qibla. I was very shocked by such a Hadith. I hardly ever repeated it, in the hope that by dint of silence, it would be erased from my memory. (Mernissi, 1991).*

*Nabi SAW bersabda bahawa anjing, keldai dan wanita mengganggu solat apabila mereka melintas di hadapan orang di hadapan orang mukmin yang melintas di antara nya dengan kiblat. Aku sangat terkejut dengan hadith sebegini. Aku hampir tidak pernah mengulanginya dengan harapan bahawa dengan berdiam diri ia akan terhapus daripada ingatan.*

Demikian antara kenyataan tokoh fermenis yang menunjukkan salahfaham beliau yang ketara dalam memahami hadith Nabi SAW khusus berkaitan wanita. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk memurnikan perkara ini agar kefahaman terhadap hadith-hadith yang disangka bersifat misogini dapat diluruskan penjelasannya sebagai panduan seluruh umat manusia.

### Latar Belakang Kajian

Pada zaman tamadun Yunani, walaupun ia dianggap sebagai tahap tamadun yang boleh dibanggakan, namun kehidupan wanita pada ketika itu amat menyedihkan. Hal ini kerana, pada ketika itu wanita berperanan sebagai pemua nafsu lelaki, pelayan menjaga kesihatan tuannya dan golongan isteri yang melaksanakan tugas semata-mata untuk menjaga anak, rumahtangga serta keperluan keluarga (Baterah Alias, Che Zarrina Sa'ari, 2007). Malahan peradaban besar yang lain seperti Yunani, Romawi, India, China, Mesir dan lain-lain tidak terlihat memberi perhatian yang jitu terhadap wanita termasuk hak-hak mereka jarang dibincangkan bahkan cenderung di abaikan (Sayid Muhammad Husain Fadhullah, 2001). Beralih pula kepada kehidupan wanita di kawasan Arab atau Kota Mekah tempat lahirnya ajaran Islam, fenomena wanita ditanam hidup-hidup amat menyedihkan. Sebelum datangnya Islam, bangsa Arab Jahiliah menerima kehadiran wanita dengan dua cara yang berbeza. Majoriti mereka menguburkan anak perempuan hidup-hidup kerana seiring dengan itu mereka beranggapan terkubur juga lah segala aib yang menimpa mereka. Tradisi lain dalam kalangan bangsa Arab adalah mereka tetap memelihara anak tersebut namun dilayan secara tidak adil dan jauh dari nilai-nilai kemanusiaan (Said Abdullah, 1994). Realiti ini disebutkan oleh Allah SWT sendiri dalam ayat berikut:

وَإِذَا بُشِّرَ أَهْدُهُمْ بِالْأُنْثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًا وَهُوَ كَظِيمٌ \*  
يَتَوَارَىٰ مِنَ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَيْمَسِكُهُ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدْسُهُ فِي التُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا  
يَحْكُمُونَ

Terjemahan: *Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati. Ia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang ia beroleh anak perempuan; sambil ia berfikir): adakah ia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina, atau ia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.*

(Surah al-Nahl 16: 58-59)

Merujuk ayat tersebut, Ibn Kathir menjelaskan bahawa jika membiarkan anak-anak perempuan itu hidup maka ia membiarkannya hidup secara hina, tanpa diberikan hak waris mewaris, tidak dirawat selayaknya dan selalu pada posisi yang lemah dibandingkan dengan anak laki-laki (Ibn al-Kathir, 1999). Berdasarkan penjelasan mufasir tersebut jelas menunjukkan realiti yang dihadapi oleh golongan wanita pada zaman sebelum kedatangan Islam. Namun setelah kedatangan Islam, fenomena ini dihapuskan dan sosiobudaya jahiliah yang menzalimi kaum wanita semakin menghakis. Hal ini kerana, Islam adalah agama tauhid dengan melakukan suatu penetapan yang membawa maksud penolakan segala bentuk pengabdian kecuali kepada Allah SWT. Di sinilah terletaknya pembebasan dari segala jenis pembelengguan termasuklah kaum wanita juga turut terbela menerusi agama Islam. perkara ini disebutkan dalam ayat berikut:

*“Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki maupun wanita sedang ia orang yang beriman maka mereka itu masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiaya walau sedikit pun.*

(Surah al-Nisa 4: 124)

Berdasarkan ayat di atas, al-Razi menjelaskan bahawa bagi setiap orang mungkin tidak mampu untuk melakukan kesemua amalan kebaikan akan tetapi mampu untuk melakukan sebahagiannya yang mana jika dilakukan dengan dengan penuh keimanan maka berhak untuk mendapat balasan pahala (al-Razi, 1999). Perkara ini menunjukkan kemuliaan manusia tidak bergantung kepada perbezaan jantina akan tetapi kepada ketinggian ketakwaan dalam diri seseorang. Maka tidak hairanlah golongan wanita mendapat kedudukan terhormat saat kehidupan masyarakat Islam pada zaman Nabi SAW. Golongan wanita pada ketika itu mendapat perhatian yang tidak berbeza dengan kaum lelaki. Apabila golongan lelaki berperanan dalam dunia politik, perempuan juga tidak ada larangan untuk berperanan dalam bidang yang sama bahkan kedudukan golongan wanita dengan Rasulullah SAW amatlah dekat misalnya ketika kaum lelaki dapat mengikut kelas pengajian bersama Rasulullah SAW, golongan wanita juga inginkan perkara yang sama dan mendapat perhatian daripada baginda SAW. Perkara tersebut dapat diteliti dalam riwayat berikut:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ: جَاءَتِ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، ذَهَبَ الرِّجَالُ بِحَدِيثِكَ، فَاجْعَلْ لَنَا مِنْ نَفْسِكَ يَوْمًا تَأْتِينَا فِيهِ ثُلُّمَنَا مِمَّا عَلَمَكَ اللَّهُ، فَقَالَ: «اْجْتَمَعْنَ في يَوْمٍ كَذَا وَكَذَا فِي مَكَانٍ كَذَا وَكَذَا»، فَاجْتَمَعْنَ، فَاتَّهُنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَعَلَمُهُنَّ مِمَّا عَلَمَهُ اللَّهُ،...”

Terjemahan: Daripada Abu Sa'id: Ada seorang wanita yang datang menemui Rasulullah SAW. Dia berkata kepada Nabi SAW: Wahai Rasulullah SAW, golongan lelaki pergi untuk mendengar nasihatmu. Jadikanlah bagi kami golongan wanita satu hari yang kami dapat mendatangimu. Engkau ajarkanlah kami ilmu yang Allah ajarkan kepadamu. Lalu Nabi SAW bersabda: Berkumpullah kalian semua pada hari sekian sekian di tempat sekian sekian. Akhirnya Rasulullah SAW mendatangi mereka dan mengajarkan mereka dengan ilmu yang Allah telah ajarkan.... ,

(Hadith Riwayat *al-Bukhari*, *Kitab al-'Itisam bi kitab Allah wa sunnah Rasulullah, Bab Ta'liy al-Nabi SAW ummatah min al-rijal wa al-nisa'* mimma 'allamah Allah bi ra'y wala tamthil, no. hadith 7310).

Berdasarkan hadith tersebut, dapat difahami layanan yang oleh adil Nabi SAW terhadap golongan wanita. Perkara tersebut menjelaskan interaksi sikap adil seorang nabi dengan golongan wanita namun ditohmah dan dituduh mendiskriminasikan dan merendahkan golongan tersebut melalui hadith-hadithnya sehingga dikenali sebagai hadith-hadith misogoni atau anti wanita.

Jika ditelusuri pula mengenai realiti kehidupan golongan wanita di Barat sekitar kurun ke-17, kedudukan wanita di Barat sebelum bermulanya kebangkitan dan perjuangan emansipasi wanita dapat diperhatikan daripada kajian-kajian yang mengkaji mengenai sejarah kemunculan gerakan feminism. Wanita sebelum abad ke-17 khususnya di Barat, di mana Barat merupakan tempat kemunculan gerakan feminism ini yang melihatkan wanita pada era tersebut tidak bernasib baik sebagaimana yang dapat dilihat pada wanita pada era selepasnya (Branca, 1979). Wanita pada era tersebut tidak mendapat layanan yang baik dalam masyarakat, dari segi undang-undang yang pelbagai termasuklah undang-undang kekeluargaan, harta, ekonomi dan hak bersuara serta hak terhadap diri sendiri (Branca, 1979). Wanita di Eropah pada abad ke-18, ketika mana feminism mula mengorak langkah ke arah pembebasan wanita dan menuntut hak-hak bagi wanita berada dalam keadaan sosial yang tidak menyebelahi wanita. Wanita tidak dibenarkan bersuara, menyatakan pandangan juga mengundi dalam segala jenis pilihanraya. Wanita juga tiada hak dalam dunia pekerjaan dan karier, ibu-ibu tidak diberikan hak yang sepatutnya dalam menjaga dan mengawal serta membentuk kehidupan anak-anak, juga tiada suara dalam keluarga, sekalipun untuk bersuara terhadap masalah dalam keluarga dan membuat aduan dan menuntut perceraian. Seterusnya, wanita juga menghadapi masalah dalam mengakses pendidikan dan mendapatkan pendidikan sebagaimana lelaki diiktiraf dalam dunia pendidikan dan melanjutkan ke bidang yang pelbagai (Branca, 1979).

Kesannya, situasi ini menjadi titik tolak kemunculan golongan yang ingin membebaskan golongan wanita daripada sebarang ancaman dan hinaan dunia termasuklah mereka menekuni teks-teks agama yang ingin merendahkan golongan wanita sebagai hujah untuk menolak sumber-sumber syariat Islam termasuklah hadith-hadith Nabi SAW yang secara tekstual disalahfahami maksudnya sehingga ditolak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti maksud hadith tentang wanita, keldai dan anjing dalam *Sahih al-Bukhari* menurut ahli hadith serta menganalisis tafsiran misogoni Fatima Mernissi terhadap hadith tentang wanita, keldai dan anjing.

## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, data dikumpulkan dengan menggunakan kajian kepustakaan seluruhnya. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode dokumentasi iaitu penghuraian data dalam bentuk teks dan tidak melibatkan kepada pengukuran atau statistik tertentu. Metode ini diaplikasikan melalui sorotan literatur yang dilaksanakan dengan merujuk kepada sumber primer dan sekunder seperti jurnal, kitab-kitab hadith khususnya *Sahih al-Bukhari* oleh al-Bukhari, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, karya-karya Fatima Mernissi dan lain-lain. Manakala metode analisis data adalah menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang telah dikenal pasti sebagaimana yang dinyatakan dan beberapa sumber lain. Perbahasan tentang hadith tentang wanita, keldai dan anjing yang dibahaskan dalam kitab-kitab syaran dikumpulkan untuk dijelaskan maksud menurut pendapat ahli hadith manakala penjelasan Fatimah Mernissi dan golongan feminise terhadap hadith tersebut yang melibatkan buku-buku tulisan Fatimah Mernissi dan kajian oleh golongan tersebut diteliti untuk mengeluarkan pendirian mereka

tentang hadith tersebut. Teks-teks yang telah dikumpulkan tersebut kemudian dianalisis untuk menjawab objektif yang telah ditetapkan.

## **Dapatkan dan Perbincangan**

### **(a) Latar Belakang Fatima Mernissi**

Fatima Mernissi dilahirkan pada tahun 1940 di Qarawiyeen, Morocco dan meninggal dunia pada 30 November 2015 di Rabat salah satu bandar di negara kelahirannya. Lalla Yamina adalah neneknya yang buta huruf namun memiliki keahlian dalam menuturkan ajaran agama. Beliau juga terlibat dengan pengajaran hafazan al-Quran pada usia kecil namun kerana metode pengajaran yang kaku membuatkan Fatima malas untuk mengikutiinya kecuali kerana terpaksa (Yasar Radiani, 1994). Beliau berasal dari keluarga kelas menengah, dan menjalani kehidupan di rumah yang dipenuhi dengan buku-buku dari pelbagai bahasa. Beliau banyak menghabiskan sebahagian besar masa kecilnya di sebuah sekolah Inggeris di Fez, dan kemudiannya melanjutkan pendidikannya di Sorbonne, Paris di mana dia memperoleh gelaran doktor falsafah dalam bidang sosiologi. Setelah kembali ke Morocco, beliau mula mengajar di Universiti Mohammed V di Rabat dan menjadi profesor dalam sosiologi di sana. Fatima adalah seorang penulis, sosiologis, feminis yang terkenal kerana sumbangannya dalam gerakan feminism di dunia Arab (Samira Mahboub, 2016). Beliau biasa menulis dalam bahasa Perancis dan Inggeris dan buku-bukunya telah diterjemahkan kepada lebih daripada 30 bahasa. Pada tahun 2003, beliau bersama penulis daripada Amerika Syarikat bernama Susan Sontag menerima penghargaan daripada Prince of Asturias kerana telah menghasilkan karya sastera dalam genre yang berbeza dengan kualiti yang luar biasa daripada sudut pandang estetika (Samira Mahboub, 2016). Karya-karya beliau mencerminkan latar belakang budayanya melalui teori dan empiris yang mengkaji persoalan tentang Islam, gender, seksualiti, hak asasi manusia dan realiti demokrasi di dunia Islam dan Arab. Pada masa yang sama beliau juga merupakan perintis ideologi feminism walaupun tidak pernah mengiktiraf dirinya sebagai feminis Muslim namun karya-karyanya amat jelas menunjukkan perkara tersebut (Margot Badran, 2009).

Buku pertama beliau yang bertajuk ‘*The Veil and the Male Elite*’ mencipta fenomena setelah karya tersebut mula disebarluaskan sekitar tahun 2003. Karya ini menyentuh sisi pandang berbeza terhadap hadith-hadith Nabi SAW sehingga beberapa hadith berkaitan wanita dipertikaikan kerana dianggap Nabi SAW bias dan mendiskriminasikan golongan wanita (Fatimah Mernissi, 1987). Dalam bukunya tersebut, terdapat sejumlah hadith yang didakwa oleh beliau sebagai hadith-hadith yang mengandungi elemen misoginistik antaranya hadith penyamarataan wanita dengan anjing dan keldai, hadith tentang penciptaan wanita daripada tulang rusuk yang bengkok, hadith tentang majoriti ahli neraka adalah wanita dan hadith berkenaan laken bagi isteri yang derhaka dan beberapa hadith lain (Mohd Anuar Ramli, 2012).

Selain itu, keilmuan beliau amat jelas apabila meninggalkan banyak karya yang sangat berpengaruh terhadap masyarakat khususnya golongan wanita di tanah airnya dan juga negara-negara Eropah. Karya-karya beliau banyak diterjemahkan kepada pelbagai bahasa antaranya adalah *Women in Moslem Paradise, Dreams of Trespass: Tales of A Harem Girlhood, Women’s Rebellion & Islamic Memory, Islam and Democracy: Fear of the Women World with New Introduction, Beyond The Veil Male-Female Dynamics in Modern Muslim Society, The Forgotten Queens of Islam, Doing Daily Battle Interviews with Moroccan Women, The*

*forgotten queens of Islam terbitan Polity Press, The Fundamentalist obsession with woman, can we woman head a moslem state? (John, 2001)*

(b) Dakwaan Unsur Misogoni dalam Hadith

Dari sudut terminologi, misogoni bermaksud perasaan benci terhadap orang perempuan terutamanya oleh golongan lelaki (Kamus Dewan, Edisi ke-4). Oleh yang demikian, hadith misogoni merupakan hadith yang di dalam matannya menyebut tentang wanita yang memberikan peluang untuk difahami secara bias gender namun bukan bermaksud Nabi SAW membenci perempuan hanya saja belum dilakukan pemahaman secara mendalam sehingga terkesan diskriminatif terhadap perempuan. Oleh yang demikian, hadith misogoni dapat diertikan hadith yang secara zahir menunjukkan kebencian terhadap perempuan, mengandungi pemahaman kebentukan kepada perempuan dan memiliki dampak diskirminasi kepada perempuan sehingga golongan tersebut dianggap lemah dan tidak mampu berperanan dalam lingkungan sosial dan masyarakat (Susi Wulandari, 2023).

Istilah ini pertama kali dikaitkan dengan hadith oleh Fatima Mernissi. Beliau menggelarkan hadith-hadith yang zahirnya merendahkan wanita sebagai hadith misogynistik yang merangkumi beberapa hadith daripada *Sahih al-Bukhari*. Hadith-hadith terlibat dianalisis dengan terperinci dalam buku beliau sebagaimana yang telah dibincangkan. Beliau percaya tidak terdapat hadith palsu atau cacat yang telah diriwayatkan oleh perawi wanita tetapi kebanyakannya telah diriwayatkan oleh perawi lelaki. Malah menurutnya, terdapat lambakan hadith yang telah ditafsirkan oleh perawi lelaki untuk kepentingan peribadi mereka sendiri sehingga beliau menuduh hadith-hadith Nabi SAW telah ditafsirkan oleh ulama lelaki untuk kepentingan peribadi mereka sendiri sehingga tersebarnya unsur misogini dalam teks-teks agama. Selain itu, beliau berpendirian bahawa hadith-hadith berdarjah *sahih* yang berunsur misogini boleh dipersoalkan serta dinilai semula kerana kemungkinan telah direka dan dimanipulasi oleh perawi-perawi lelaki (Nur Saadah Hamisan, 2019).

Beliau melakukan kritikan terhadap hadith dengan melibatkan kritikan riwayat (*sanad*) dan isi (*matan*) terhadap hadith-hadith yang membahas tentang wanita walaupun merupakan hadith-hadith *maqbul* (*sahih* dan *hasan*) (Elviandri et al., 2019). Manakala dua kaedah yang aplikasikan oleh beliau adalah kaedah kajian sejarah dan linguistik sehinggalah beliau berpendapat hadith penyatarafan wanita dan anjing serta keldai serta hadith larangan wanita menjadi pemimpin boleh diragui kesahihannya (Muhammad Adam et al., 2021). Tokoh feminism tersebut berpendapat semua hadith termasuk yang berstatus *sahih* adalah terbuka untuk dipersoalkan dan mesti dinilai semula apatah lagi hadith-hadith yang mengandungi unsur misogini yang mungkin direka atau dimanupulasi oleh perawi-perawi lelaki.

Fatima Mernissi juga mempertikaikan kredibiliti al-Bukhari dan juga perawi-perawi yang meriwayatkan hadith antaranya Abu Hurayrah R.A. Menurutnya, Abu Hurayrah R.A terlalu banyak meriwayatkan hadith yang mendiskriminasikan wanita sehingga pemaknaan literal secara automatik menunjukkan wanita adalah golongan yang terancam seperti wanita boleh menyebabkan batal solat dan sesebuah kerajaan akan hancur jika diperintah oleh wanita. Oleh yang demikian, beliau yakin periwayatan tersebut perlu dikaji semula kerana hadith-hadith tersebut cenderung kepada tanggapan salah terhadap wanita sehingga beliau dengan mudah menolak hadith-hadith tersebut. Beliau menggunakan pendekatan kritikan sejarah terhadap hadith-hadith misogoni tersebut dengan melakukan kritikan terhadap perawi khususnya Abu Hurayrah R.A dengan membongkarkan sejarah dan latar belakang perawi tersebut. Beliau memberi penekanan tentang asal usul perawi tersebut yang berasal dari suku

Daws yang terletak di sebuah daerah di Kota Yaman di mana penduduknya merupakan penyembah matahari dan diperintah oleh seorang perempuan termasuklah Raja Saba'. Menurut beliau, tidak hairanlah Abu Hurayrah juga digelar sebagai Abu Shams atau penyembah matahari namun ketika berusia 30 tahun beliau memeluk Islam dan mengubah namanya menjadi Abdullah dan digelar Abu Hurayrah (Fatima, 1987). Gelaran tersebut tidak disukai oleh Abu Hurayrah kerana ada unsur wanita sehingga Abu Hurayrah mengatakan Rasulullah SAW sebenarnya menggelar beliau sebagai *Abu Hir* (Merlianita, 2019).

Selain itu, Fatima juga mengkritik kehidupan sosial sahabat Nabi tersebut yang berbeza dengan budaya sosial bangsa Arab di Mekah yang hidup bekerja dan berdagang sedangkan beliau banyak menghabiskan masa dengan mengikuti dan menghafaz hadith Nabi SAW bahkan dalam kesempatan yang lain beliau turut membantu di rumah kediaman para wanita. Hal ini mempengaruhi pembentukan psikologi sahabat tersebut yang mana menurut Fatimah sahabat tersebut tidak menunjukkan keperibadian seorang lelaki secara umum (Fahrudin et al., 2019).

Pengaruh dan kesan gerakan feminis terhadap dunia juga menyebabkan kemunculan satu gerakan yang dikenali sebagai *Sister in Islam* (SIS). Badan bebas ini ditubuhkan pada pertengahan tahun 1980-an di bawah Persatuan Peguan Wanita dan telah dikreditkan sebagai persatuan feminis Islam pertama (Zuraiddah et al., 2018). Dalam beberapa hasil penerbitan, SIS telah mendakwa bahawa terdapat hadith yang telah mengancam hak-hak wanita khasnya berkaitan isu rumahtangga. Golongan ini telah mengkritik dan menolak hadith-hadith yang mengancam hak-hak wanita seperti hadith wanita dilaknat apabila tidak memenuhi kehendak seksual suami, keredaan suami menentukan syurga isteri dan hadith larangan melantik pemimpin daripada golongan wanita. Selain itu, poligami yang telah disebutkan di dalam al-Quran juga telah ditolak atas sebab kesaksamaan dan keadilan bagi wanita (Nur Saadah Hamisan, 2019).

Selain daripada itu, badan bebas tersebut juga berpendirian kehujahan hadith yang saih juga ditolak dengan alasan hadith tersebut adalah hadith *ahad*. Sebagaimana hadith tentang kepimpinan wanita yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *sahihnya*. Menurut golongan feminis, hadith tersebut tidak boleh dijadikan sebagai landasan hukum kerana berstatus *ahad* (Muhammad Adam et al., 2021). Jika diteliti, terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kecaman dan penolakan gerakan feminis terhadap hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita. Hal ini berkait rapat dengan metodologi yang diaplikasikan oleh mereka dalam berinteraksi dengan hadith-hadith berkenaan sebagaimana berikut: (Mohd Akil et al., 2011)

1. Hadith difahami dan ditafsirkan berdasarkan kerangka pemikiran sekular-liberal.
2. Menyimpulkan hadith-hadith berdasarkan zahir teks tanpa mengambil kira disiplin-disiplin yang ditetapkan oleh para ulama muktabar.
3. Mempertikaikan sifat maksum Nabi SAW dan ‘*adalah* para sahabat.
4. Kesetaraan gender dan hak asasi manusia Barat dijadikan ukuran atau asas dalam menilai hadith-hadith Rasulullah SAW.

### (c) Tohmahan Terhadap Perawi (Sahabat) dalam *Sahih al-Bukhari*

*Sahih al-Bukhari* adalah kitab hadith saih selepas al-Quran. Kitab ini merupakan kitab pertama yang mengasingkan antara hadith *sahih* dengan *da'if*. Perkara tersebut amat jelas dengan merujuk judul penuh kitab saih tersebut iaitu *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadithi Rasulullah SAW wa Sunanah wa Ayyamih*. Istilah *al-Sahih* merujuk kepada sifat

kitabnya yang tidak mengandungi walaupun satu hadith daif (al-Qannawji, 1379H). Istilah tersebut juga menggambarkan manhaj atau pendekatan yang diaplikasikan oleh beliau dan dasar ini merupakan syarat yang diutamakan dalam penyusunan kitab tersebut. Walaupun perkara tersebut tidak dinyatakan secara jelas sebagai pendekatannya namun perkara tersebut dapat dipastikan berdasarkan penelitian para ulama hadith terhadap sanad-sanad hadith dan keadaan perawi (*rijal*) bagi hadith-hadithnya (Ibn Hajar, 1379H).

Maka, hadith-hadith yang menepati piawaian kitabnya adalah hadith yang bersambung sanad, perawi yang '*adil*', perawi yang memiliki *dabt* yang sempurna, tidak *syadh* dan tidak '*illah*'. Merujuk kepada istilah ketiga pada tajuk pula iaitu *al-musnad* bermaksud hadith-hadith yang dimasukkan mempunyai sanad yang bersambung kepada Nabi SAW (Ibn Hajar, 1379H).

Kredibiliti perawi-perawi hadith bagi hadith riwayat al-Bukhari amat berkait rapat dengan manhaj penulisan kitabnya kerana hanya memilih hadith sahih sahaja (Ibn al-Salah, 1989). Namun, Fatima menunjukkan dengan jelas penolakannya terhadap sebahagian besar hadith-hadith dalam *Sahih al-Bukhari* apabila menolak periyawatan Abu Hurayrah R.A. Walaupun penolakan terhadap hadith-hadith perawi tersebut yang berkaitan dengan unsur misogoni namun secara tidak langsung menunjukkan penolakan terhadap hadith-hadith riwayatnya yang lain. Kritikan ini secara langsung menolak prinsip jumhur ahli hadith bahawa para sahabat adalah '*adil*' dengan ungkapan *al-sahabah kulluhum 'uldul*. Dalam ilmu hadith, para *muhaddithin* mendefinisikan sahabat adalah orang bertemu Nabi SAW ketika hidupnya sebagai seorang Muslim dan meninggal dunia dalam keadaan Islam (al-Bukhari, 1999). Sementara '*adalah*' menurut *muhaddithin* adalah seorang perawi seorang yang Muslim, baligh, berakal, selamat daripada perkara-perkara fasiq dan kerosakan maruah (al-Shaybani, 1983). Namun Ibn al-Mubarak, sifat '*adalah*' iaitu merujuk kepada sifat sahabat yang membuat penyaksian secara berjemaah, tidak meminum arak, tidak berlaku kerosakan dalam agama dan tiada kecacatan pada akal (al-Fahdawi, t.t.). Malah menurut ahli sunnah, perbincangan tentang '*adalah*' para sahabat termasuk dalam hal berkaitan dasar akidah dan merupakan perkara yang telah maklum dalam agama sebagaimana disebutkan dalam ayat al-Quran dan hadith. Maka dengan itu, ahli sunnah bersepakat bahawa keseluruhan sahabat adalah '*adil*' tanpa pengecualian kepada salah seorang daripada mereka walau dengan sangkaan atau ragu-ragu namun menghormati mereka sebagaimana Allah SWT dan Rasulullah SAW memuliakan mereka (al-Fahdawi, t.t.) al-Khatib al-Baghdadi menyebut bahawa '..*pegangan ini adalah prinsip seluruh ulama dan sesiapa yang berpegang dengan kata-kata para fuqaha..*'

Menurut Ibn Salah pula, para sahabat mempunyai keistimewaan khusus iaitu tidak dipertikaikan lagi tentang '*adalah*' mereka bahkan perkara tersebut sudah pasti kerana benar-benar dinyatakan dalam nas-nas al-Quran dan Sunnah serta ijmak ('Ayad Hasan al-Shaikh, 1430H). Antara nas yang menjelaskan tentang keredaan Allah SWT terhadap para sahabat serta menyatakan ganjaran syurga yang jelas kepada mereka sebagaimana ayat al-Quran berikut:

السَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ  
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ  
فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Terjemahan: *Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang*

yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.

(Surah al-Tawbah 9: 100)

Sementara itu, terdapat juga hadith-hadith saih yang menjelaskan pengiktirafan Nabi SAW terhadap para sahabatnya dan menjadi prinsip jumhur ahli sunnah terhadap kedudukan para sahabat yang ‘adil. Abu Hurayrah R.A meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda sebagaimana berikut:

لَا تَسْبُوا أَصْحَابِي، لَا تَسْبُوا أَصْحَابِي، فَوَالَّذِي نَفْسِي بِنِيَّهُ لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ أُحْدِيْدَهَا، مَا أَدْرِكَ مُدَّ أَحَدِهِمْ، وَلَا نَصِيفَةً

Terjemahan: *Jangan kalian mencela sahabat-sahabatku, jangan kalian mencela sahabat-sahabatku. Seandainya salah seorang dari kalian berinfaq emas seperti Gunung Uhud, tidak akan menyamai satu mud (infaq) salah seorang dari mereka dan tidak pula setengahnya.*

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab Ashabi al-Nabi SAW, Bab Qawl al-Nabi SAW Lau kunta Muttakhiza Khalila*, no. hadith 3673)

Berdasarkan nas-nas al-Quran dan hadith Nabi SAW, ahli sunnah mewajibkan seluruh umat Islam menghormati para sahabat Nabi SAW sebagaimana Allah SWT dan Rasul-Nya memuliakan mereka. Sumbangan besar para sahabat terhadap agama yang menyebarkan Islam serta berjihad di jalan-Nya dengan mennginfaqkan segala harta mereka untuk agama Allah SWT begitu juga kerana kesabaran mereka menghadapi kejahanan orang-orang munafiq. Oleh yang demikian, haram mencela dan menafikan ‘*adalah* para sahabat khusus melibatkan periyatan mereka dalam hadith-hadith Nabi SAW (‘Ayad Hasan al-Shaikh, 1430H).

Oleh yang demikian, sebarang celaan dan penolakan terhadap ‘*adalah* mereka adalah diharamkan. Tambahan lagi perkara ini berkaitan dengan akidah seseorang Muslim oleh itu Fatimah Mernissi melakukan kesalahan yang besar terhadap agama apabila menolak hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah R.A atau sahabat-sahabat Nabi SAW yang lain kerana secara langsung menolak prinsip ‘*adalah* para sahabat Nabi SAW yang telah disepakati oleh ulama ahli Sunnah wal Jamaah. Menurut ahli Sunnah wal Jamaah, mereka bersepakat bahawa pendirian yang menolak *adalah* para adalah kufur kerana al-Quran dan hadith telah menyebut dengan jelas tentang kedudukan para sahabat di sisi Islam dan menjadi pegangan setiap orang yang beriman dengan Allah SWT dan Rasulullah SAW (‘Ayad Hasan al-Shaikh, 1430H).

#### (d) Analisis Hadith Tentang Wanita, Anjing dan Keldai Menurut Fatima Mernissi

Sebelumnya telah dijelaskan dengan ringkas tentang pendirian Fatima dan golongan feminism terhadap hadith-hadith yang secara tekstual menunjukkan bias gender terhadap golongan wanita. Antara hadith yang terlibat adalah sebagaimana sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Zar, Nabi SAW bersabda:

## يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الرَّجُلُ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ

Terjemahan: *Yang memutuskan solat adalah wanita, keledai dan anjing.*

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Salah, Bab Istiqbal al-Rijul Sahibih aw ghayrih fi salah wahuwa yusalli*, no. hadith 511)

Berdasarkan hadith di atas, Fatima mencurigai status hadith tersebut sehingga menafikannya sebagai hadith yang disebut oleh Nabi SAW. Hal ini kerana, baginya Rasulullah SAW seorang yang bersifat feminis iaitu adil terhadap wanita maka tidak mungkin mendiskriminasikan wanita dengan menyamakan mereka dengan anjing dan keldai yang menjadi sebab membatalkan solat. Setelah itu, beliau membahas hadith tersebut dengan melakukan analisis historis tentang kiblat terlebih dahulu. Peraturan menghadap kiblat iaitu Kaabah di Mekah bagi umat Islam di seluruh penjuru dunia menjadi ciri khas tersendiri daripada Islam sehinggalah Kaabah menjadi pemuatan solat dan menjadi simbol yang suci (Fatima, 84-87). Menurutnya lagi, dalam Islam berdasarkan hadith Nabi SAW tempat solat tidak dibatasi, sesiapa sahaja boleh solat di mana-mana sahaja, di jalan, lorong, di medan perang, di kebun dan sebagainya dengan syarat menghadap kiblat. Dengan alasan agar merasa lebih dekat dengan Kaabah maka tidak ada orang yang mencipta kiblat secara simbolik dan tidak dibolehkan sesuatu melintas di antara seseorang yang sedang solat dengan kiblat agar tidak menganggu. Oleh itu, beliau berpegang dengan hadith tentang masjid adalah tempat solat, beliau menyamakan wanita dengan anjing serta menyebut wanita sebagai pengganggu solat menimbulkan percanggahan mendasar antara hakikat wanita dan kesucian tempat solat (Fatima, 87-88). Menurut Fatimah lagi, jika diteliti hadith ‘Aishah R.HA tersebut menunjukkan percanggahan kerana terdapat bantahan langsung terhadap hadith ini sebagaimana berikut:

Terjemahan: *Telah menceritakan kepada kami Isma‘il bin Khalil, telah menceritakan kepada kami ‘Ali bin Mushir daripada al-A‘mash daripada Muslim iaitu Abu Syubayh daripada Masruq daripada ‘Aishah, bahawa telah disebutkan di sisinya tentang sesuatu yang dapat memutuskan solat, orang-orang mengatakan: Yang dapat memutus solat di antaranya adalah anjing, keledai dan wanita. Maka ‘Aishah pun berkata, ‘Sungguh kalian telah menganggap kami ( kaum wanita ) sebagaimana anjing. Sungguh aku pernah melihat Nabi melaksanakan solat, sementara aku berbaring di atas tikar antara dia dan dengan arah kiblatnya. Saat aku ada keperluan dan aku tidak ingin menghadapnya, maka aku pergi dengan perlahan-lahan.*

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Salah, Bab man qala: La Yaqta’ al-Salah Shai*’, no. hadith 514)

Berdasarkan hadith tersebut, pada zahirnya menunjukkan ‘Aishah R.HA terkejut dengan penyataan tentang tiga perkara yang memutuskan solat iaitu wanita, anjing dan keldai sehingga menyebabkan Fatimah merasa curiga terhadap hadith tersebut. Menurutnya, Abu Hurayrah R.A menjadikan wanita sebagai makhluk yang sama dengan binatang. Hal ini kerana telah menyebut wanita beriringan dengan keldai dan menganggap wanita sebagai perosak atau pengganggu ibadat seseorang dengan Ilahi hanya kerana dengan kehadirannya menyebabkan solat seseorang dianggap telah terbatal dan harus mengulanginya (Fatima, 88-89). Fatima Mernissi terus meragui hadith tersebut dengan mengemukakan analisis beliau terhadap biografi Abu Hurayrah R.A yang melibatkan aspek nama dan tempat asal perawi tersebut.

Menurutnya, kedua-dua faktor tersebut menjadi punca lahirnya sikap bias Abu Hurayrah terhadap wanita. Menurutnya, nama Abu Hurayrah yang secara harfiah bermaksud *ayah kucing betina* namun tidak disukai oleh Abu Hurayrah R.A sendiri, kerana berkait dengan wanita. Mernissi kemudiannya mengutip keterangan yang menunjukkan bahawa Abu Hurairah menyatakan: ‘Jangan panggil saya Abu Hurairah, Rasulullah memanggil saya dengan Abu Hirr (bapa kucing jantan) kerana jantan lebih baik daripada betina’. Beliau juga menyatakan bahawa perawi tersebut berasal dari Yaman yang dahulunya diperintah oleh wanita manakala alasan lain yang menjadi hujah adalah taraf hidup perawi tersebut. Menurutnya, Abu Hurayrah R.A adalah seorang yang miskin dan lebih suka mengikuti baginda SAW yang mana kadang kala lebih suka membantu rumah-rumah para wanita daripada bekerja untuk menunjukkan sifat seorang lelaki seperti bertani, berdagang atau lain-lain (Fatimah, 88-90).

Berdasarkan penelitian lebih meluas, Fatima lebih agresif untuk menolak hadith tersebut apabila turut mengkritik Imam al-Bukhari sebagai imam hadith. Menurutnya, al-Bukhārī secara tidak langsung meluaskan pengaruh Abu Hurayrah R.A apabila memasukkan banyak hadith riwayat perawi tersebut dalam kitab sahihnya (Fatimah, 88-90).

Berdasarkan analisis terhadap penjelasan Fatima tersebut, dapat disenaraikan dakwaan tokoh feminism terhadap hadith tentang wanita, anjing dan keldai sebagaimana berikut:

1. Hadith tentang sebab pemutus solat wanita, anjing dan keldai dicurigai bukan daripada Nabi SAW.
2. Hadith riwayat Abu Hurayrah R.A bertentangan pada zahirnya dengan hadith riwayat ‘A’ishah R.HA tentang penyamaan wanita dengan keldai dan anjing apabila hadith riwayat ‘A’ishah R.HA menunjukkan reaksi tidak suka terhadap intipati hadith Abu Hurairah R.A.
3. Kredibiliti Abu Hurairah R.A sebagai perawi dipertikaikan kerana faktor-faktor kehidupannya iaitu nama, tempat tinggal dan taraf kehidupannya.
4. Imam al-Bukhari merupakan imam hadith yang meluaskan pengaruh Abu Hurairah sebagai misogyni melalui hadith-hadith yang dimasukkan dalam sahihnya.

#### (e) Analisis Hadith Tentang Wanita, Anjing dan Keldai dalam *Sahih al-Bukhari*

Berdasarkan analisis terhadap *Sahih al-Bukhari*, terdapat enam (6) riwayat tentang penyebutan wanita, anjing dan keldai sebagaimana berikut:

Hadith 1: Riwayat 1: Riwayat Abu Juhayfah R.A:

عَنْ عَوْنَ بْنِ أَبِي جُحَيْفَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ أَبِي: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِهِمْ بِالْبَطْحَاءِ وَبَيْنَ يَدِيهِ عَنَّزَةً، الظَّهَرَ رَكْعَتَيْنِ، وَالعَصْرَ رَكْعَتَيْنِ، تَمُرُّ بَيْنَ يَدِيهِ الْمَرَأَةَ وَالحَمَارُ

Terjemahan: Dari padanya ‘Uwn ibn Abi Juhayfah berkata: Aku mendengar ayahku berkata: Bahawa Nabi SAW mengimamkan mereka di Batha’ sementara di hadapannya terdapat tombak – iaitu ketika solat Zohor dua rakaat dan Asar dua rakaat. Sementara wanita dan keldai lalu di hadapannya.

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Salah, Bab sitr al-Imam Sutrah man khalfahu*, no. hadith 495 dan 499)

Hadith 2: Riwayat 2: Riwayat ‘A’ishah R.HA:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: أَعَدْلَثُمُونَا بِالْكَلْبِ وَالْحِمَارِ «لَقَدْ رَأَيْتِنِي مُضْطَجِعَةً عَلَى السَّرِيرِ، فَيَهِيءُ النِّيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَيَنْوِي سَطُّ السَّرِيرِ، فَيُصَلِّي، فَأَكْرَهُ أَنْ أَسْتَحِمُ، فَأَنْسَلَ مِنْ قِبَلِ رِجْلِي السَّرِيرَ حَتَّى أَنْسَلَ مِنْ لِحَافِي

Terjemahan: Daripada ‘A’ishah R.HA berkata: “Apakah kalian menyamakan kami dengan anjing dan keldai? Sungguh aku telah menyaksikan diriku berbaring di tempat tidur, lalu Nabi SAW datang kemudian mengambil posisi pertengahan tempat tidur lalu solat. Aku tidak suka terlihat di hadapannya maka aku turun perlahan dari arah kedua kaki tempat tidur, kemudian aku keluar dari selimut ku”.

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Salah, Bab al-Salah ila al-Sarir* no. hadith 508)

Hadith 3: Riwayat ‘A’ishah R.HA:

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّهُ ذُكِرَ عِنْهَا مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ، فَقَالُوا: يَقْطِعُهَا الْكَلْبُ وَالْحِمَارُ وَالْمَرْأَةُ، قَالَتْ: لَقَدْ جَعَلْتُمُونَا كِلَابًا، «لَقَدْ رَأَيْتُ النِّيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي، وَإِنِّي لَبَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ، وَأَنَا مُضْطَجِعَةٌ عَلَى السَّرِيرِ، فَتَكُونُ لِي الْحَاجَةُ، فَأَكْرَهُ أَنْ أَسْتَقْبِلَهُ، فَأَنْسَلَ اُنْسِلَالًا» وَعَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنِ الْأَسْوَدِ، عَنْ عَائِشَةَ تَحْوِهُ

Terjemahan: Daripada ‘Aishah R.HA bahwasanya disebutkan di sisinya hal-hal yang memutuskan solat. Mereka berkata: Solat terputus disebabkan oleh anjing, keldai dan wanita. ‘Aishah berkata: “Sungguh kalian telah menjadikan kami sebagai anjing-anjing. Sungguh aku melihat Nabi SAW solat dan aku berada di antara dia dengan kiblat sedangkan aku sedang berbaring di atas tempat tidur. Lalu aku mempunyai hajat namun aku tidak suka untuk menghadapnya lalu aku pun turun dengan perlahan.

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Salah, Bab istiqbal al-Rajl Sahibuh aw ghayrih fi salatih wahuwa yusalli*, no. hadith 511)

Hadith 4: Riwayat ‘Aishah R.HA:

عَنْ عَائِشَةَ، ذُكِرَ عِنْهَا مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْكَلْبُ وَالْحِمَارُ وَالْمَرْأَةُ، فَقَالَتْ: شَبَّهْتُمُونَا بِالْحُمْرِ وَالْكِلَابِ، وَاللَّهُ «لَقَدْ رَأَيْتُ النِّيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَإِنِّي عَلَى السَّرِيرِ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ مُضْطَجِعَةٌ، فَتَبَدُّلُ لِي الْحَاجَةُ، فَأَكْرَهُ أَنْ أَجْلِسَ، فَأَوْذِيَ النِّيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَنْسَلَ مِنْ عِنْدِ رِجْلِيهِ»

Terjemahan: Daripada ‘Aishah disebutkan di sisinya perkara yang memutuskan solat iaitu anjing, keldai dan wanita. “Kalian telah menyamakan kami dengan keldai dan anjing-anjing. Demi Allah aku telah melihat Nabi SAW solat dan sungguh aku sedang berbaring di atas tempat tidur yang berada di antara baginda dengan kiblat. Lalu aku ingin berhajat maka aku tidak suka untuk duduk sehingga mengganggu Nabi SAW akhirnya aku turun dengan perlahan dari arah kedua kaki ku.

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Salah, Bab man Qala: La Yaqta’ al-Salah Sha’i*, no. hadith 514)

Hadith 5: Riwayat ‘Aishah R.HA:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: بِئْسَمَا عَدْلَنُونَا بِالْكَلْبِ وَالْحِمَارِ «لَقَدْ رَأَيْتُنِي وَرَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَأَنَا مُضطَجِعَةٌ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ، فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَسْجُدَ غَمَرَ رَجْلَيَّ، فَقَبَضْتُهُمَا

Terjemahan: Daripada ‘Aishah R.HA dia berkata: “Sungguh buruk perbuatan kalian yang telah menyatakan kami dengan anjing dan keldai. Sungguh aku telah melihat diriku sementara Rasulullah SAW solat dan aku berbaring di antara baginda dan kiblat. Apabila hendak sujud, beliau meraba kedua kaki ku maka aku pun membengkokkan keduanya.

(Hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Salah, Bab Hal Yaghmiz al-Rajul Imra’ah ‘inda al-Sujud likay Yasjus*, no. hadith 519)

Merujuk riwayat yang dipaparkan, bagi hadith pertama riwayat Abu Juhayfah R.A, Nabi SAW bersama para sahabat di Batha’ iaitu sebuah tanah luas di luar Makkah yang dikenali sebagai al-Abtah. Lafaz (ثَمَرُ بَيْنَ يَدَيْهِ) bermaksud ‘...lalu dihadapannya..’ iaitu di antara tombak dengan kiblat bukan di antara baginda SAW dan tombak. Dalam riwayat Abu Za’idah dalam bab “Solat menggunakan pakaian merah” disebutkan “aku melihat manusia serta haiwan melewati di hadapan tombak” Bagi riwayat Abu Juhyafah R.A yang lain disebut dengan lafaz (وَالمرْأَةُ وَالحَمَارُ يَمْرُونَ مِنْ وَرَائِهَا) lafaz *yamurruna* menunjukkan lafaz jamak atau banyak namun bagi Ibn al-Tin lafaz yang setepatnya adalah *yamurranī* yang merujuk kepada wanita dan keldai sebagai dua perkara atau jenis-jenisnya yang melewati di antara tombak dengan kiblat (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1379H).

Merujuk riwayat ‘Aishah R.HA, bagi riwayat hadith bernombor 511, Nabi SAW solat sedangkan isterinya menghadap secara langsung kepadanya dengan posisi mengiring atau membelaangkan. Hadith tersebut diletakkan dalam “Bab seorang lelaki berhadapan dengan lelaki atau selainnya ketika sedang solat”. Berdasarkan bab tersebut, Ibn Rashid berkata maksud al-Bukhari adalah gangguan yang dialami oleh seorang lelaki yang disebabkan oleh wanita apabila berada pada arah kiblat dalam keadaan apa pun tentu lebih hebat gangguannya berbanding orang lelaki. Meskipun demikian, posisi ‘Aishah R.HA tidaklah mempengaruhi Nabi SAW ketika solat kerana perkara tersebut tidak pun menarik perhatian baginda ketika beribadah. Oleh yang demikian, walaupun wanita berada di hadapan orang sedang solat dengan terdapat pemisah di antaranya, maka tidak membatalkan solat selama mana konsentrasi solat tidak terganggu. Dalam riwayat al-Bukhari yang lain dinyatakan: ‘Aishah menyebut dengan lafaz (وَالبيوْثُ يَوْمَنْ لَيْسَ فِيهَا مَصَابِيحُ), rumah-rumah saat itu tidak ada lampu-lampu’ (al-Bukhari, 1999). Penyataan ‘Aishah ini menunjukkan bahawa solat Nabi SAW tidak terganggu kerana isterinya walaupun baginda SAW menyentuh kakinya ketika ingin sujud. Oleh yang demikian, Ibn Hajar berpendapat sesiapa yang berada dalam kondisi sedemikian iaitu ketidaan cahaya lampu dan terpaksa mengalihkan kedudukan isterinya ketika melakukan solat maka tidak makruh untuk melakukannya.

Bagi hadith riwayat bernombor 514 pula, ‘Aishah R.HA menyebut dengan lafaz ‘...anjing.. dan seterusnya’. Bagi hadith ini, Imam Muslim juga meriwayatkan melalui jalur Abu Bakr ibn Hafsh daripada Urwah, dia berkata: “‘Aishah berkata: “Apakah yang

memutuskan solat? Aku berkata: Wanita dan keldai. Lalu dalam riwayat Sa'id ibn Mansur melalui jalur lain, ‘Aishah berkata: Wahai penduduk Iraq, sungguh kalian telah menyamakan kami...’ Berdasarkan hadith tersebut, seakan-akan ‘Aishah ingin mensyariatkan dengan perkataannya akan riwayat yang dinukilkan oleh para ulama Iraq daripada Abu Dhar R.A dan selainnya daripada Nabi SAW yang menyebut secara langsung tentang perkara-perkara yang memutuskan solat iaitu wanita, anjing dan keldai sedangkan hadith riwayat ‘Aishah R.HA beliau menceritakan tentang kisahnya bersama Nabi SAW. Bagi riwayat Abu Zar R.A, disebutkan dalam riwayat Imam Muslim bersama tafsiran maksud anjing tersebut sebagaimana berikut:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ يُصَلِّي، فَإِنَّهُ يَسْتَرُهُ إِذَا كَانَ بَيْنَ يَدَيْهِ مِثْلُ أَخْرَةِ الرَّحْلِ، فَإِذَا لَمْ يَكُنْ بَيْنَ يَدَيْهِ مِثْلُ أَخْرَةِ الرَّحْلِ، فَإِنَّهُ يَقْطِعُ صَلَاتَهُ الْحَمَارُ، وَالْمُرَأَةُ، وَالْكَلْبُ الْأَسْوَدُ» فَلَمَّا قَدِمَ أَبُوا ذَرٍّ، مَا بَالُ الْكَلْبِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْكَلْبِ الْأَحْمَرِ مِنَ الْكَلْبِ الْأَصْفَرِ؟ قَالَ: يَا ابْنَ أَخِي، سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا سَأَلْتُنِي فَقَالَ: «الْكَلْبُ الْأَسْوَدُ شَيْطَانٌ»

Terjemahan: Daripada Abu Zar berkata: Rasulullah SAW bersabda: Apabila salah seorang daripada kalian berdiri untuk menunaikan solat, maka hendaklah dia meletakkan pemisah di hadapannya seperti kayu yang dijadikan sandaran di belakang pelana. Kerana kalau tidak ada pembatas. Solat akan terputus apabila dilewati di hadapannya seorang perempuan, keldai dan anjing hitam. Lalu aku bertanya kepada Abu Zar, kenapa yang berwarna hitam, bagaimana dengan warna kuning atau merah? Dia menjawab: “Saya pernah bertanya kepada Rasulullah SAW sebagaimana yang anda tanyakan kepada aku dan baginda menjawab: Anjing hitam adalah syaitan”.

(Hadith riwayat Muslim, *Kitab al-Salah, Bab Qadr ma yastur al-musalli*, no. hadith 510)

Berdasarkan riwayat di atas, Imam al-Shafi'i serta ulama yang sependapat dengannya cenderung mentakwilkan makna ‘memutuskan’ dengan maksud kurang rasa khusyuk bukan bermaksud batal solat atau terkeluar daripada solat. Pendapat ini disokong dengan keterangan bahawa sahabat yang meriwayatkan hadith ini telah bertanya tentang anjing hitam dan ternyata ia merujuk kepada syaitan bukan kepada anjing (al-Ayni, t.t). Mengenai perkara ini, syaitan apabila melewati di hadapan seseorang yang sedang solat tidak akan merosakkan solatnya maka hadith tersebut bukan bermaksud solat seseorang itu akan terbatal termasuklah wanita dan juga keldai selama mana ia tidak mengganggu solat seseorang (Ibn Hajar al-Asqalani, 1379H). Namun, jika diteliti ucapan ‘Aishah R.HA dengan lafadz (شَيْئَنَا) ‘kalian menyerupakan kami’ seerti dengan (أَعْدَلْنَا) ‘sungguh kalian telah menyatakan’ merupakan dua kalimah dengan maksud yang sama iaitu ucapan melebihkan atau ucapan *mubalaghah* terhadap penyamaan wanita dengan keldai dan juga anjing. Ucapan ‘Aishah ini untuk mengingkari pendapat yang mengatakan bahawa wanita dapat memutuskan solat dalam segala keadaannya sedangkan berlaku kisahnya dengan Nabi SAW yang menunjukkan Nabi SAW tidak membantalkan solatnya apabila menyentuh kakinya ketika solat. Penyebutan wanita dalam riwayat-riwayat hadith adalah merujuk kepada wanita bukan mahram kerana ada kekhawatiran akan menimbulkan fitnah apabila melakukan solat di hadapan mereka namun tidak bagi isteri-isteri mereka walaupun tersentuh ketika menunaikan solat (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1379H). Oleh itu, wanita ajnabi bukan bermaksud membantalkan solat seseorang lelaki akan tetapi mengurangkan kekhusukan dalam solat sekiranya berada di hadapannya ketika menunaikan solat.

Berdasarkan maklumat yang telah dibahaskan dapat disenaraikan beberapa intipati fiqh hadith tersebut sebagaimana berikut:

1. Maksud ‘*memutuskan*’ solat dalam hadith bukan bermaksud membatalkan solat atau menyebabkan seseorang terkeluar daripada solatnya disebabkan oleh wanita, anjing dan keldai namun ulama hadith berpendapat ia bermaksud mengurangkan penumpuan atau kekusiukan dalam solat.
2. Khusus melibatkan wanita-wanita ajnabi sahaja boleh membatalkan solat seseorang lelaki namun tidak bagi suami dan isteri sebagaimana hadith tentang solat Nabi SAW yang menyentuh kaki isterinya ‘Aishah R.HA ketika ingin sujud.
3. Penyebutan lafaz *al-kalb* yang bermaksud anjing dalam kesemua riwayat sama ada riwayat al-Bukhari atau Muslim bukan merujuk kepada anjing sejenis binatang namun merujuk kepada anjing hitam iaitu syaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam iwayat Muslim. Hal ini kerana, syaitan adalah golongan yang tidak akan pernah berhenti untuk melalaikan seseorang ketika menunaikan solat dan tidak menyebabkan solat seseorang terbatal sekiranya ia berada di hadapan namun gangguan akan berlaku disebabkan oleh bisikan daripada syaitan sehingga solat seseorang tidak khusyuk atau terbatal.
4. Riwayat-riwayat hadith yang dipaparkan saling berkaitan antara satu sama lain. Bermula daripada kisah Nabi SAW menyentuh kaki ‘Aishah R.HA untuk sujud kerana berada dalam keadaan gelap membawa kepada penafian bahawa wanita-wanita bukan *ajnabi* tidak menyebabkan solat seseorang lelaki terbatal khusus bagi suami dan isteri. Manakala penyebutan anjing dalam hadith bukan merujuk kepada binatang tetapi merujuk kepada anjing hitam iaitu syaitan. Penyebutannya bukan untuk menyatamakannya dengan wanita namun untuk menjelaskan syaitan adalah punca menyebabkan seseorang tidak khusyuk solat seperti mana juga wanita ajnabi menyebabkan penumpuan solat terganggu bahkan sentuhannya menyebabkan batal solat. Pengecualian dalam aspek ini adalah bagi isteri-isteri tidak membatalkan solat walaupun disebabkan sentuhan namun perlu dielakkan untuk berada di hadapan suami yang sedang solat untuk tidak mengganggu penumpuan solat sebagaimana yang dilakukan oleh ‘Aishah R.A yang turun dari tempat tidurnya ketika Nabi SAW sedang solat menghadapnya.
5. Pengumpulan kesemua riwayat yang berkaitan amat penting dalam memahami hadith-hadith Nabi SAW. Sebagaimana riwayat ‘Aishah menyebutkan kisah baginda SAW solat ketika beliau sedang tidur di hadapan baginda SAW. Sedangkan jika melihat kepada riwayat Abu Zar, penyebutan pembatalan solat terus disebut dengan jelas iaitu wanita, anjing dan keldai sehingga ‘Aishah R.HA sendiri menganggap penyebutan tersebut menunjukkan penyamaan secara umum kaum wanita dengan binatang.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa hadith berkaitan penyebutan wanita, keldai dan anjing dalam *Sahih al-Bukhari* tidak bermaksud menyamakan wanita dan binatang sebagaimana yang difahami oleh golongan feminism yang terpesong. Riwayat hadith menjelaskan wanita-wanita ajnabi yang berada di hadapan golongan yang sedang solat boleh menyebabkan gangguan kepada mereka sehingga tidak dapat menumpukan perhatian ketika solat. Walaupun sedemikian, hampir keseluruhan hadith memfokuskan kepada suruhan meletakkan pemisah di antara seseorang yang solat dengan kiblat agar tidak dilewati oleh

wanita ajnabi khususnya. Walaupun Nabi SAW menyebutkan anjing, namun yang dimaksudkan adalah syaitan kerana ia merupakan musuh nyata bagi orang-orang yang beriman dan sudah tentu gangguan daripadanya dapat mengganggu konsentrasi bahkan juga boleh membatalkan solat seseorang tidak kira lelaki atau perempuan.

Justeru itu, pemahaman hadith Nabi SAW perlu kepada penelitian maksud secara kontekstual yang menyeluruh dan tidak boleh berpada kepada interpretasi maksud literal yang menyebabkan kefahaman yang batil dan jauh daripada maksud yang ingin disampaikan oleh Nabi SAW. Selain itu, penjelasan maksud hadith juga perlu merujuk kitab-kitab syarah hadith terlebih dahulu untuk memahami intipati fiqh hadith yang setepatnya. Pendekatan ini tidak diaplikasikan oleh golongan feminism. Fatimah Mernissi mentafsirkan mengikut kefahamannya semata-mata yang berbaur emosi dan kejahilan. Boleh dikatakan juga beliau dengan sengaja mencari-cari perkara yang berbaur diskriminasi terhadap golongan wanita untuk menolak hadith Nabi SAW secara tidak langsung. Penjelasan maksud hadith perlu kepada kaedah-kaedah yang telah digariskan oleh ulama hadith agar tafsiran tidak tersalah dan tersasar daripada maksud yang sebenar. Pembacaan terhadap penulisan karya-karya golongan feminism khususnya buku-buku yang dihasilkan oleh Fatima Mernissi perlu kepada pengkajian semula dan penelitian melibatkan tohmahan dan dakwaan fatal terhadap sumber syariat Islam iaitu hadith Nabi SAW.

## Rujukan

- ‘Ayad Hasan al-Shaikh, Nasr Ibn ‘Ali. 1430H. *‘Aqidah Ahli al-Sunnah wa al-Jama‘ah*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- al-‘Ayni, Mahmud ibn Ahmad. t.t. *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma‘il. 1999. *Sahih al-Bukhari* dalam Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif, ed. Salih ibn ‘Abd al-‘Aziz Al al-Shaikh. Riyadh: Dar al-Salam.
- al-Fahdawi, Muhammad Mahmud Latif. (t.t.) *‘Adalah al-Sahabah ‘inda al-Muslimin*. Beirut: Maktabah al-Rushd.
- al-Qannawji, Hasan ‘Ali al-Husayni. 1984. *‘Awn al-Bari li halli Adillah al-Bukhari*. Syria: Dar al-Rushd.
- al-Shaybani, Ahmad Ibn Muhammad. 1983. *Fada’il al-Sahabah*, ed. Wassallah Ibn Muhammad ‘Abbas. Jeddah: Dar al-‘Ilm.
- Baterah Alias, Che Zarrina Sa’ari. 2007. *Islam Dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Branca, P. 1979. *Women in Europe since 1750*. Routledge Library Editions: Women’s History. London: Croom Helm.
- Fahrudin dan Ansari. (2019). Penolakan Hadis Misogonis (Telaah Pemikiran Mernissi Dalam Hermeneutika Hadis). *Jurnal Studi Islam* vol. 11 (2), 1-22.
- Fatima Mernissi. 1987. *The Veil and the Male Elite a Feminist Interpretation of Women’s Rights in Islam*. Britain: Perseus Books Group.
- Ibn al-Salah, ’Uthman Ibn ’Abd al-Rahman. (1979). *‘Ulum al-Hadith*. Ed. Nur al-Din ‘Itr. Damsyiq: Dar al-Fikr. 16-18.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad Ibn ‘Ali. 1379H. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. ed. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- John. C.H. 2001. *Encyclopedia of Postcolonial Studies*. United States of America: Greenwood Press.

- Elviandri Elviandri, Asrizal Saiin, Farkhani Farkhani. 2019. Pembacaan Kaum Feminis terhadap hadith-hadith misogini dalam *Sahih al-Bukhari. Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan.* 19 (2) 243-257.
- Margot Badran. 2009. *Feminism in Islam.* Oxford: Secular and Religious Convergences.
- Merlianita Mahdalena Effendi. (2019). Kritik Fatimah Mernissi Terhadap Abu Hurayrah. Disertasi Sarjana Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- Mohd Akil, Mazlan Ibrahim dan Dwi Sukmanila Sayska. 2011. Hadith ‘Anti Wanita’ Berkenaan Dengan Kehidupan Rumah Tangga: Kajian Kritik Terhadap Feminis Liberal. *Jurnal Al-Bayan* 9 (1), 135-166.
- Mohd Anuar Ramli. 2012. Analisis Gender Dalam Hukum Islam. *Jurnal Fiqh.* 9 (1)137-162.
- Muhammad Adam Abd Azid, Najah Nadiah Amran, Latifah Abdul Majid. 2021. Kaedah-kaedah Berinteraksi dengan Hadith-Hadith Mushkil Berkaitan Wanita, *International Conference and Muktamar on Prophetic Sunnah* (ICMAS 2021), 189-201.
- Muslim Ibn al-Hajjaj. 1999. Sahih Muslim dalam *Mawsu ‘ah al-Hadithal-Sharif.* Riyadh: Dar al-Salam.
- Nur Saadah Hamisan @ Khair. 2019. Tradisi Misogini dan Anti-Wanita dalam Hadis: Isu dan Analisis. Dlm. *Persidangan Muslimah Antarabangsa Kelantan,* Kelantan, Malaysia, 77-95.
- Said Abdullah Seib Al-Hatimy. 1994. *Citra Sebuah Identitas Wanita Dalam Perjalanan Sejarah.* Surabaya: Risalah Gusti.
- Samira Mahboub. 2016. *Fatima Mernissi: Moroccan scholar and pioneer of Islamic feminism.* Soziopolis: Gesellschaft beobachten.
- Sayid Muhammad Husain Fadhullah. 2000. *Dunia Wanita Dalam Islam.* Jakarta: Lentera.
- Zuraidah Kamarudin, Saidatolakma Yunus, Rahimah Embong dan Huda Afiqah Hashim, The History of Sisters ini Islam. 2018. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences.* 8 (11) 552-558.